

# BAB EMPAT

## BAB 4

### JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### A . PENDAHULUAN

Di dalam bab yang lalu, penulis telah membentangkan secara tuntas mengenai pandangan Gereja Roman Katholik terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan. Di dalam bab ini penulis selanjutnya menganalisis pula pandangan Islam terhadap perspektif Gereja Roman Katholik tersebut. Analisis dilakukan kerana Islam turut mempercayai kewujudan nabi Isa<sup>125</sup> sebagai individu yang penting di dalam teologi Islam. Walau bagaimanapun kepercayaan Islam terhadap nabi Isa adalah berbeza dengan kepercayaan yang wujud di dalam agama Kristian. Islam berkeyakinan nabi Isa al-Masih adalah rasul dan pembimbing kepada Bani Israel. Justeru, di dalam bab ini beberapa pokok perbahasan penting akan dikemukakan dan dianalisis. Antaranya pandangan Islam tentang *The Holy Bible*, kedudukan nabi Isa a.s sebagai penebus dosa warisan dan peristiwa kematian beliau di tiang salib sebagai penyelamat yang diutus bagi membebaskan manusia daripada belenggu dosa warisan.

---

<sup>125</sup> Penganut Kristian menyebut dengan nama Jesus Christ sedangkan Islam memanggilnya dengan nama nabi Isa a.s. (Untuk mengetahui secara terperinci sebab perbezaan panggilan tersebut, lihat H M Arshad Talib Lubis (1982), *Perbandingan Agama Kristen Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, cet. 4. Hal. 178.

## B. THE HOLY BIBLE MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Sebelum penulis pergi lebih lanjut kepada perbincangan seterusnya, penulis terlebih dahulu akan mengeluarkan analisis Islam terhadap kedudukan *The Holy Bible* yang menjadi sumber utama teologi agama Kristian umumnya dan Gereja Roman Kaholik khususnya<sup>126</sup>. Perbincangan ini mempunyai nilai yang utama memandangkan penganut Kristian mendakwa bahawa kitab suci mereka adalah bersumberkan wahyu dan bimbingan ilahi.

Menurut Islam beriman kepada kitab merupakan salah satu rukun iman. Umat Islam wajib beriman dengan keempat-empat kitab iaitu Taurat, Zabur, Injil dan al-Qur'an yang telah diturunkan kepada empat orang rasul pilihan-Nya<sup>127</sup>. Al-Qur'an menyatakan hal ini dengan jelas . Firman Allah<sup>128</sup> :

كُلُّ أَمْنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُلُّ بَشَرٍ وَرَسُولٍ

Bermaksud: "... semuanya beriman kepada Allah, Malaikat-Nya dan Kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya...."

Namun begitu, Islam hanya mengiktiraf dan menerima kitab Taurat dan Injil yang telah diturunkan kepada nabi Musa a.s dan nabi Isa a.s sahaja. Islam menolak *The Old Testament* dan *The New Testament* yang ada pada hari ini walaupun penganut

<sup>126</sup> Perbincangan di atas dilakukan kerana Gereja Roman Katholik mendakwa segala ajaran mereka adalah berlandaskan kepada *The Holy Bible* yang dijamin oleh Jesus Christ sebagai kitab wahyu yang tulus daripada Tuhan (*Supra*. Bab tiga. Hal. 63-64).

<sup>127</sup> Rasul-rasul yang dikurniakan kitab oleh Allah adalah nabi Musa, nabi Daud, nabi Isa dan nabi Muhammad s.a.w. Lihat al-Imām al-Hāfiẓ Ḥimād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā’īl ibn Kathīr al-Qurāishī (1967), *Qisās al-Anbiyā’*, al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, cet. 2. Hal. 45.

<sup>128</sup> Surah al-Baqarah (2): sebahagian ayat 285

Yahudi dan Kristian mendakwa kitab itu datang dari Allah. Al-Qur'an diturunkan untuk membuktikan bahawa orang-orang Yahudi dan Nasrani telah mengubah ajaran sebenar kitab Taurat dan Injil. Allah berfirman<sup>129</sup>:

وَقَاتِلُ الَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لَيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا  
قَلِيلًا

Bermaksud: "Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis kitab (Taurat) dengan tangan mereka (lalu mengubah kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah daripada sisi Allah, supaya dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit".

Ibn Kathīr dalam tafsirannya menyatakan bahawa ahli Kitab (orang-orang Yahudi dan Nasrani) telah mengubah kitab Allah berdasarkan hawa nafsu dan kepentingan mereka<sup>130</sup>. Dengan kata lain, kitab Taurat dan Injil yang ada pada hari ini dipenuhi dengan penyelewengan dan pemalsuan daripada ajaran sebenar sebagaimana yang diturunkan kepada nabi Musa a.s dan nabi Isa a.s.

Para sarjana Islam dan Barat turut mengemukakan pendapat mereka tentang masalah ini. Mereka bersetuju bahawa tidak wujud teks Bible yang asal yang pernah diturunkan kepada nabi Isa. Dr. Maurice Bucaille berpendapat Bible yang diakui suci oleh penganut agama Kristian hakikatnya penuh dengan segala kepincangan samada dari segi ajaran, isi kandungan dan jalan ceritanya. Teks asal Bible yang dikatakan ditulis di dalam bahasa Greek sendiri mengandungi pelbagai

<sup>129</sup> Surah al-Baqarah (2) : ayat 79

<sup>130</sup> al-Imām al-Hāfiẓ Ḥimād al-Dīn Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr al-Quraish (1993), *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. Bayrūt: Muassah al-Kutub al-Thaqāfah, juz. 2, cet. 3. Hal. 112.

kesilapan tulisan. Tambahan pula teks tersebut telah banyak disalin dan diterjemahkan ke dalam bahasa lain seperti Inggeris, Jerman dan Arab<sup>131</sup>.

Kepalsuan dan perubahan yang berlaku di dalam *The New Testament* disokong oleh Stephen Neill dalam bukunya *The Interpretation of The New Testament*.<sup>132</sup> Menurut Neill tidak ada satu pun daripada pelbagai versi termasuk versi yang popular di kalangan penganut agama Kristian kini seperti *Authorized Version*, *English Revised Version* dan *Revised Standard Version* yang boleh diperakui sebagai kitab suci yang benar-benar selamat daripada sebarang kesalahan. Beliau berpendapat semua kitab tersebut mempunyai kesalahan terutamanya daripada segi pengertian dan makna. Justeru menurut Neill, pendapat yang menyatakan bahawa kitab suci Bible terjamin kesuciannya boleh dipertikaikan.

Menurut Neill lagi beberapa perkataan yang terdapat di dalam *The Holy Bible* telah diubah oleh paderi Kristian. Misalnya pengertian *Paraclet* di dalam bahasa Greek yang bermaksud *Comforter* di dalam bahasa Inggeris telah diterjemahkan kepada makna *The Holy Ghost*; sedangkan dalam bahasa Greek *Holy Ghost* adalah terjemahan kepada *Pneuma* bukannya *Paraclet*. Pembaca yang tidak mengetahui bahasa Greek akan mudah terpedaya dengan makna *Holy Ghost*.

<sup>131</sup> Maurice Bucaille (1978), *The Bible The Quran and Science*. (Diterjemah oleh Alastair D. Partmel dan Maurice Bucaille daripada bahasa Perancis. Tajuk asal buku tersebut ialah *La Bible, le Coran et la Science*. t.t: North American Trust Publication. Hal. 113.

<sup>132</sup> Stephen Neill (1964), *The Interpretation of The New Testament*. London: Oxford University Press. Hal. 75.

sebagaimana yang ditulis di dalam Bible sekalipun ia bukan terjemahan yang tepat dan benar<sup>133</sup>.

Dr. Maurice Bucaille di dalam bukunya *The Bible The Quran and Science*<sup>134</sup> lebih cenderung mentafsirkan makna *Paraclet* kepada makna penyelamat. Dr. Maurice menjelaskan bahawa wujud pertentangan di antara *Gospel John* dengan surat pertama John (*1 John*) yang didakwa ditulis oleh John, salah seorang *apostle* Jesus Christ. Di dalam *Gospel John*, Jesus Christ berdoa kepada Tuhan agar mengutuskan seorang *Paraclet* selepasnya<sup>135</sup>. Kalimah *Paraclet* di dalam *gospel John* tersebut telah ditafsirkan oleh John dan para pengikut agama Kristian sebagai *The Holy Spirit* yang boleh mendengar dan berkata-kata untuk menyampaikan apa yang didengarnya. Di tempat yang lain pula *1 John* menyebut bahawa kalimah *Paraclet* merujuk kepada Jesus Christ yang diertikan sebagai juru syafaat<sup>136</sup>.

Di dalam analisisnya, Dr. Maurice Bucaille menyatakan bahawa *Paraclet* yang disebutkan oleh John adalah seorang manusia seperti Jesus Christ yang dianugerahi Tuhan anggota untuk mendengar dan berbicara yang diakui dalam teks Yunani secara formal. Jesus Christ secara rasmi turut mengumumkan kedatangan seorang nabi selepas dirinya yang juga akan menerima wahyu daripada Tuhan dan menyampaikannya kepada orang ramai sebagaimana yang dilakukan olehnya.

---

<sup>133</sup> *Ibid.*

<sup>134</sup> Maurice Bucaille (1978), *The Bible The Quran and Science*. Hal. 113.

<sup>135</sup> *John 14 : 15-17.*

<sup>136</sup> Maurice Bucaille (1978), *The Bible The Quran and Science*. Hal. 113.

Kenyataan ini selari dengan apa yang dinyatakan di dalam al- Qur'an<sup>137</sup> dan Bible Barnaba<sup>138</sup> yang menyatakan Jesus Christ ada meramalkan kedatangan seorang nabi atau penyelamat agung selepasnya iaitu nabi Muhammad s.a.w.

:

Sehubungan dengan itu, Dr. Maurice Bucaille berkeyakinan bahawa kalimah *The Holy Spirit* dalam teks Bible yang ada pada hari ini telah ditokok tambah agar bersesuaian dengan ajaran gereja yang mendakwa bahawa Jesus Christ adalah nabi yang terakhir. Penyelewengan dan penambahan yang berlaku di dalam contoh di atas boleh berlaku di dalam mana-mana perkataan yang terkandung di dalam *The Holy Bible*. Rentetan daripada itu, keyakinan Gereja Roman Katholik bahawa nabi Isa adalah penyelamat manusia daripada dosa warisan dapat dipertikaikan kesahihannya<sup>139</sup>.

Berdasarkan keterangan dan dalil di atas, dapat disimpulkan bahawa *The Holy Bible* yang dipercayai oleh pengikut Kristian sebagai wahyu Tuhan sebenarnya bukanlah kitab samawi yang asal ia merupakan sebuah tulisan hasil ciptaan manusia yang telah diubah dan ditokok tambah menurut kepentingan sendiri. Golongan paderi dipercayai sebagai pihak yang bertanggungjawab melakukan perubahan dan penyelewengan terhadap kitab samawi yang asal demi mengekalkan kuasa dan pengaruh mereka. Sehubungan dengan itu, *The Holy Bible* tidak lagi layak untuk menjadi sandaran dan sumber yang sahih kepada

<sup>137</sup> Sila rujuk ***Surah al-Saf (28) : ayat 6***

<sup>138</sup> ***Infra***. Bab ini. Hal. 131.

<sup>139</sup> Maurice Bucaille (1978), ***The Bible The Quran and Science***. Hal. 113.

kebenaran agama. Hal ini amat berbeza dengan kedudukan kitab al- Qur'an yang tetap terpelihara keaslian dan kebenarannya<sup>140</sup>.

### C. JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT MANUSIA DARIPADA DOSA WARISAN: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Kepercayaan Gereja Roman Katholik bahawa nabi Isa a.s adalah penyelamat dan penebus dosa warisan merupakan punca utama perselisihan teologi di antara Islam dan Kristian. Menurut Prof. Imam Muhammad Abū Zuhrah di dalam bukunya *Muhādarāh fī al-Nasrāniyyah*<sup>141</sup> kepercayaan yang menganggap nabi Isa sebagai penebus dosa adalah antara perancangan yang dilakukan oleh para pemimpin gereja agar mereka diterima dan diakui oleh penganut Kristian sebagai pengganti dan waris peninggalan nabi Isa a.s. Dengan pengiktirafan itu, segala kuasa, prinsip dan tatacara keagamaan Kristian secara rasmi berada di bawah kekuasaan gereja. Hal ini sekaligus akan mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan paderi-paderi tersebut.

Kenyataan Prof. Imam Abū Zuhrah di atas telah disokong oleh Prof. Madya Dr. Fatah Haron<sup>142</sup> daripada Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengatakan bahawa kepercayaan nabi Isa a.s sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan adalah di antara dogma ciptaan paderi Kristian

<sup>140</sup> *Surah al-Hijr (15) : ayat 9.*

<sup>141</sup> Muhammad Abū Zuhrah (1966), *Muhādarāh fī al-Nasrāniyyah*. al-Qāhirah: Dār al-Ittihād al-‘Arab li al-Tibā’ah. Hal. 234.

<sup>142</sup> *Temubual* dengan Prof. Madya Dr. Fatah Haron pada 23. 1. 2000 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

sendiri yang bertujuan untuk menarik tumpuan dan perhatian penganut Kristian kepada institusi gereja. Rentetan daripada itu, penganut Kristian akan sentiasa berkunjung ke gereja untuk membuat pengakuan dosa seterusnya membayar denda bagi setiap kesalahan yang dilakukan.

Gereja Roman Katholik seterusnya mendakwa bahawa peranan Jesus Christ sebagai penyelamat adalah signifikan kerana telah berjaya membawa manusia kepada kecenderungan asal iaitu interaksi yang harmoni dengan Tuhan. Menurut mereka perbuatan Adam dan Hawa yang melanggar larangan Tuhan telah menyebabkan manusia terseret ke dalam krisis dosa. Berdasarkan andaian bahawa manusia adalah berasal daripada satu baka maka dosa tersebut telah diperturunkan kepada mereka seperti penyakit berjangkit<sup>143</sup>.

Kepercayaan sedemikian amat bertentangan dengan ajaran Islam. al-Qur'an sebagai kitab suci umat Islam menolak keras fahaman batil ini. Ini jelas dinyatakan di dalam firman Allah<sup>144</sup>:

وَلَا تُنْهِرُ وَازِرَةً وَزَرَّ أُخْرَىٰ

Bermaksud: "Seseorang pemikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain".

<sup>143</sup> *Supra*. Bab dua. Hal. 49.

<sup>144</sup> *Surah Fâtir* (35): ayat 18.

Ayat al-Qur'an di atas telah diperkuuhkan lagi dengan firman Allah<sup>145</sup> yang lain iaitu:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلَنْفَسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهِ

٢

Yang bermaksud: "Barang siapa melakukan kebaikan pembalasan baiklah yang akan diterimanya dan demikianlah jika sebaliknya".

Kedua-dua ayat al-Qur'an di atas diperkuatkan lagi dengan hadis Rasulullah s.a.w yang menjelaskan bahawa konsep pewarisan dosa sama sekali tidak berlaku kepada manusia kerana manusia sewaktu dilahirkan adalah dalam keadaan yang suci daripada sebarang dosa dan kesalahan. Sabda Rasulullah:

كُلُّ مُؤْمِنٍ بُوْلَدٌ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهُودَانِهِ أَوْ يَنْصَارِانِهِ أَوْ يُمْحَسَّنَاهِ

Yang bermaksud: "Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan tidak berdosa. Menjadi tugas kedua ibu bapanya mendidik sama ada membentuknya menjadi seorang Yahudi atau Nasrani atau Majusi".

Sarjana-sarjana Islam turut mengemukakan pandangan mereka dalam menafikan keabsahan kepercayaan tersebut. Dalam mengulas dan menolak dakwaan tersebut, mereka turut menggunakan dalil-dalil daripada kitab suci agama Kristian yang kandungannya menyokong kebenaran pandangan Islam. Muhammad

<sup>145</sup> Surah al-Jāthiyah (45): ayat 15.

Mahmūd al-Hijaziyy<sup>146</sup> menjelaskan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Hawa itu adalah merupakan hukum sebab dan akibat yang telah termaktub dalam takdir Allah. Ia merupakan punca yang membawa kepada perlantikan manusia sebagai khalifah di bumi. Sebelum Adam diciptakan, Allah telah berfirman kepada malaikat tentang kehendak-Nya untuk menciptakan seorang khalifah . Al-Qur'an menyatakan<sup>147</sup> :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Yang bermaksud: "Dan ingatlah ketika Allah berfirman kepada malaikat: Aku akan menjadikan khalifah di muka bumi".

Pendapat beliau ini dikuatkan lagi dengan hadis Rasulullah s.a.w yang menjelaskan bahawa turunnya Adam ke dunia adalah suatu keletapan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Rasulullah telah menceritakan bagaimana nabi Adam a.s. dan nabi Musa a.s berdebat tentang perkara sedemikian. Sabda Rasulullah s.a.w<sup>148</sup>:

قَالَ أَخْتَجَعَ آدُمُ وَمُوسَىٰ فَقَالَ مُوسَىٰ يَا آدُمُ أَنْتَ الَّذِي خَلَقَ اللَّهُ يَبْدِئُهُ وَيَنْفَعُ بِكَ مِنْ رُوحِهِ أَغْوَيْتَ النَّاسَ وَأَخْرَجْتَهُمْ مِنَ الْجَنَّةِ قَالَ فَقَالَ آدُمُ وَأَنْتَ مُوسَىٰ الَّذِي أَصْطَفَكَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ قَالَ فَقَعْدَ آدُمُ مُوسَىٰ بِكَلَامِهِ أَتُلُومُنِي عَلَىٰ عَمَلٍ عَمَلْتُهُ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيَّ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَنِي

<sup>146</sup> Muhammad Mahmūd al-Hijaziyy (1968), *Tafsīr al-Wādīh*. al-Qāhirah: Matba'ah al-Misriyyah. Hal. 68.

<sup>147</sup> *Surah al-Baqarah (2): ayat (30)*.

<sup>148</sup> al-Imām al-Hāfiẓ al-Musannaf al-Mutqin Abū Dāud Sulaymān ibn al-Ash'ath al-Sajastāniyy (1989), *Sunan Abīyy Dāwūd*. Bayrūt: Dār al-Jayl, juz. 4, hal. 225.

Ertinya: "Telah berhujah Adam dan Musa. "Wahai Adam! Engkau adalah bapa kami dan telah mengeluarkan kami daripada syurga". Maka berkata Adam, "Engkau Musa. Allah telah memilih engkau dengan firman-Nya dan menuliskan kepada engkau kitab Taurat dengan tangan-Nya. Engkau telah menuduh aku di atas perkara yang telah ditentukan ke atas aku empat puluh tahun sebelum aku diciptakan".

Keterangan hadis di atas menyimpulkan bahawa syurga yang menjadi tempat tinggal Adam hanyalah merupakan suatu tempat transisi sebelum beliau diturunkan ke bumi. Manakala kesalahan yang dilakukan oleh Adam tersebut adalah sebagai pengajaran kepada manusia bahawa manusia merupakan makhluk Allah yang tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan.

Muhammad Mahmūd Hijaziyy selanjutnya menerangkan pada asasnya beliau berpendapat bahawa Adam dan Hawa berdosa kerana melanggar perintah larangan Allah dengan memakan buah Khuldi yang diharamkan kepada mereka. Namun begitu, selepas kesalahan tersebut Adam dan Hawa telah bertaubat dan taubat keduanya telah diterima oleh Allah<sup>149</sup>. Al-Qur'an membuktikan bahawa Allah telah mengampunkan kesalahan Adam. Firman Allah<sup>150</sup>:

فَلَقِيَ آدُمْ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ قَتَابٍ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ

<sup>149</sup> Muhammad Mahmūd al-Hijaziyy (1968), *Tafsīr al-Wādīh*. Hal. 68.

<sup>150</sup> Surah al-Baqarah (2): ayat 37.

Bermaksud: "Adam telah menerima beberapa perkataan taubat daripada Tuhanya dan Allah mengampunkannya. Sesungguhnya Allah itu Maha Pemberi Keampunan lagi Maha Mengasihi".

Allah menerima taubat Nabi Adam kerana beliau bersungguh-sungguh dalam taubatnya. Adam dan isterinya sentiasa mengucapkan zikir taubat sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah<sup>151</sup> di dalam firman-Nya.

قَالَ رَبُّنَا ظَلَمْتَنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَئِذْنَكُوْنَ مِنْ الْخَاسِرِينَ

Yang bermaksud: "Adam dan Hawa mengucapkan: wahai Tuhan, sesungguhnya kami telah melakukan kesalahan terhadap diri kami. Jika Engkau tidak mengampunkan kami dan mengasihi kami jadilah kami orang-orang yang rugi".

Natijah daripada rasa penyesalan dan tekad untuk tidak melakukan kesilapan lagi, Allah telah mengampunkan Adam dan meninggikan darjatnya dengan melantik beliau sebagai nabi yang pertama di atas muka bumi ini. Perlantikan sebagai nabi tersebut jelas dinyatakan oleh Allah di dalam firman-Nya yang berbunyi<sup>152</sup>:

لَمْ احْتَبَأْ رَبُّهُ قَاتِبَ عَلَيْهِ وَهَدَى

Yang bermaksud: "Kemudian Allah memilih Adam kembali (menjadi nabi dan rasul) dengan diampun segala dosanya serta diberikan petunjuk".

<sup>151</sup> Surah al- A'raf (7) : ayat 23.

<sup>152</sup> Surah Tâhâ (20): ayat 122.

Menurut Muhammad Mahmûd al-Hijaziyy lagi, dengan terpilih kembali Adam menjadi nabi dan rasul bererti dosa yang dilakukannya telah diampunkan malahan status maksum telah diberikan kepada baginda selepas pengampunan tersebut<sup>153</sup>. Akan tetapi malangnya "pelan perancangan Allah" itu telah disalah tafsir oleh penganut Katholik dengan mengatakan kesalahan Adam dan Hawa memakan buah Khului sebagai titik hitam awal yang membawa kemusnahan jiwa dan spiritual manusia dalam hubungan mereka dengan Allah.

Dengan penjelasan di atas, Islam dengan tegas menolak dakwaan dan kepercayaan bahawa nabi Adam a.s adalah penyebab dosa warisan. Ini kerana wujud dalil yang jelas dan terang bahawa Allah s.w.t dengan sifat-Nya yang Maha Pengampun dan Maha Pemurah telah mengampunkan kesalahan yang dilakukan oleh Adam a.s.

Dakwaan pihak Gereja Roman Katholik yang mengatakan bahawa peristiwa Jesus Christ menebus dosa warisan menunjukkan bukti kasih sayang Tuhan kepada manusia juga tidak dapat diterima oleh Islam. Menurut Ahmad Deedat<sup>154</sup>, seorang pakar debat Islam-Kristian, kepercayaan Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada belenggu dosa warisan merupakan dakwaan yang sengaja direka dan diada-adakan oleh pemimpin gereja malah tidak mempunyai sandaran dan dalil yang mantap. Kenyataan di dalam *The Holy Bible* sendiri menyokong pandangan ini. *Deuteronomy 24:16* merakamkan:

<sup>153</sup> Muhammad Mahmûd al-Hijaziyy (1968), *Tafsîr al-Wâdih*. Hal. 68.

<sup>154</sup> Ahmed Deedat (1992), *Muhammad The Natural Successor To Christ*. Kuala Lumpur: Islamic Outreach ABIM. Hal. 23-29.

*"Fathers shall not be put to death for their children, nor children put to death for their fathers; each is to die for his own sin"*

**Jeremiah 31:30** menegaskan perkara yang sama sebagaimana berikut :

*"Instead, everyone will die for his own sin; whoever eats sour grapes-his own teeth will be set on edge"*

Seterusnya **Ezeikel 18: 17-20** menyokong kedua-dua keterangan di atas dengan menyatakan bahawa setiap anak tidak akan menanggung kesalahan yang telah dilakukan oleh kedua orang tuanya..

*"...he will not die for his father's sin; he will surely live. But his father will die for his own sin, because he practised exortion, robbed his brother and did what was wrong among his people. Yet you ask, 'Why does the son not share the guilt of his father?' Since the son has done what is just and right and has been careful to keep all my decrees, he will surely live. The soul who sins is the one who will die. The son will not share the guilt of the father, nor will the father share the guilt of the son. The righteousness of the righteous man will be credited to him, and the wickedness of the wicked will be charged against him."*

Ahmed Deedat seterusnya mengemukakan keterangan daripada **Matthew 7:1-2** yang menjelaskan bahawa balasan di atas setiap individu itu hendaklah adil dan setiap individu yang berdosa akan dibalas berdasarkan kepada apa yang dilakukan oleh dirinya sendiri bukannya yang dilakukan oleh orang lain. **Matthew 19:14** juga jelas menolak pewarisan dosa daripada ayah kepada anak.

Keterangan **Matthew 19:14** di atas jelas menyatakan bahawa kanak-kanak adalah bebas daripada tanggungan dosa dan kesalahan kerana ia dilahirkan suci dan tidak menanggung dosa warisan. Ini diasaskan kepada kata-kata nabi Isa yang menyatakan bahawa golongan kanak-kanak akan mewarisi syurga kerana diri mereka suci daripada dosa dan kesalahan.

**1 Corinthians 3:8** turut mengukuhkannya dengan menunjukkan bahawa manusia tidak menanggung kesalahan orang lain. Ini kerana di akhirat kelak manusia akan diberikan balasan berdasarkan kepada apa yang mereka lakukan di dunia bukannya kerana dosa orang lain. Keterangan tersebut berbunyi :

*"The man who plants and the man who waters have one purpose and each will be rewarded according to his own labor."*

Ia menjelaskan bahawa berapa kecil sekalipun perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu akan dibalas menurut tahap-tahap perbuatan tersebut.

Ajaran Kristian turut mendakwa bahawa Tuhan dikehendaki mati demi menyelamatkan manusia daripada dosa sebagai tanda kasih sayang abadi kepada manusia. Pandangan Islam dan Kristian jelas amat berbeza dalam memanifestasikan kasih sayang Tuhan. Menurut perspektif Islam, kasih dan sayang adalah salah satu sifat Allah s.w.t. Kedua sifat tersebut diakui kewujudannya oleh Allah melalui firman-Nya yang berbunyi<sup>155</sup>:

<sup>155</sup> *Surah al-Fātiḥah (1): ayat 2.*

## الرَّحْمَانُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: "*Allah itu Maha Pengasih lagi Maha Penyayang*".

Walau bagaimanapun, di sisi Islam kasih dan sayang Allah kepada manusia tidak akan sampai kepada tahap mengorbankan diri-Nya sendiri di dalam memulihkan hubungan dengan makhluk-Nya. Menurut perspektif Islam, sifat mati adalah sifat yang mustahil bagi Allah. Menurut Prof Madya Fatah Haron<sup>156</sup>, hubungan di antara Allah dengan manusia dalam Islam adalah dalam bentuk hubungan antara hamba dengan tuan. Dalam ertikata yang lain, hamba amat memerlukan pertolongan, bantuan serta tunjuk ajar daripada tuannya. Sedangkan tuan pula sebagai pihak yang tidak memerlukan sebarang khidmat daripada hamba hanya kerana faktor belas dan kasihan serta kasih sayang dia telah mengambil hamba sebagai pekerjanya walaupun hakikatnya ia tidak memerlukan sesiapa di dalam melaksanakan kerjanya dengan sempurna. Seorang hamba hendaklah taat dan patuh kepada perintah tuannya. Tuan tidak boleh dicabar dan diderhakai. Sekiranya hamba tidak mematuhi perintah dan larangan, hukuman tertentu akan dikenakan. Hakikatnya hubungan antara hamba dan Tuhan bermaksud Allah tidak berhajat kepada makhluk tetapi makhluk berhajat kepada-Nya. Allah tidak akan terjejas sekalipun semua makhluk kufur kepada-Nya. Sekiranya manusia melakukan dosa bererti mereka menzalimi diri mereka sendiri. Setiap kezaliman yang dilakukan akan dihukum oleh Allah berdasarkan syariat yang diturunkan-Nya

<sup>156</sup> *Temubual* dengan Prof. Madya Dr. Fatah Haron.

kepada Rasullulah s.a.w. Bagi mengelakkan diri dari hukuman tersebut manusia dikehendaki bertaubat kepada Allah.

Taubat menurut Islam adalah dengan cara melafazkan ucapan-ucapan tertentu seperti أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ telah diajar kepada umat Islam bagi memohon keampunan daripada Allah terhadap kesalahan yang dilakukan. Sekiranya permohonan ampun itu dilakukan secara jujur dan ikhlas serta berazam tidak akan mengulangi kesalahan tersebut, maka dosa tersebut akan diampun oleh Allah<sup>157</sup>.

Ulasan dan pandangan di atas menjelaskan dengan tegas bahawa prinsip kasih sayang Allah di dalam Islam amat bertentangan dengan pandangan Gereja Roman Katholik yang mempercayai bahawa darah nabi Isa yang mengalir sewaktu disalib adalah manifestasi kasih sayang Tuhan kepada manusia. Menurut Prof. Madya Dr. Mohamed Asin bin Dollah<sup>158</sup>, sepanjang penyelidikannya tentang agama Kristian, nabi Isa tidak pernah mengajarkan kepada kaumnya tentang konsep pensaliban apalagi menyentuh tentang titisan darahnya di palang salib untuk membawa manusia menuju kepada kasih sayang Tuhan. Ajaran nabi Isa secara terang hanya menggariskan perkara-perkara yang dapat membahagiakan manusia di akhirat. Buktinya dapat dilihat di dalam *The New Testament* (*Matthew*, *Luke* dan *John*). Antaranya **Matthew 19:16-17**:

<sup>157</sup> Ibid.

<sup>158</sup> Temubual dengan Prof Madya Dr. Mohamed Asin bin Dollah pada 23.1.2000 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

"Now a man came up to Jesus and asked, 'Teacher, what good thing must I do to get eternal life?' "Why do you ask me about what is good?" Jesus replied. "There is only One who is good. If you want to enter life, obey the commandments."

Seterusnya **Matthew 5:19** mengukilkkan:

*"Anyone who breaks one of least of these commandments and preaches others to do the same will be called least in the kingdom of heaven, but whoever practises and teaches these commands will be called great in the kingdom of heaven."*

**Matthew 7:21-23** turut mengukuhkannya:

*"Not everyone who says to me, 'Lord, Lord,' will enter the kingdom of heaven, but only who does the" "Not everyone who says to me, 'Lord, Lord,' will will of my Father who is in heaven. Many will say to me on that day, 'Lord, Lord, did we not prophesy in your name, and in your name drive out demons and perform many miracles?' Then I will tell them plainly, 'I never knew you. Away from me, you evildoers!'*

**John 14:12** pula menjelaskan:

*"I tell you the truth, anyone who has faith in me will do what I have been doing. He will do even greater things than these, because I am going to my Father."*

Kesemua keterangan di atas menjelaskan bahawa manusia tidak akan dapat hidup bahagia di akhirat selagi mereka tidak mengikuti dan melaksanakan apa yang terkandung di dalam *Commandments* atau *Torah* sebagaimana yang dilakukan oleh

Jesus Christ: "...anyone who has faith in me will do what I have been doing". Hanya dengan berbuat demikian sahaja manusia akan dapat menikmati kehidupan yang hakiki bukannya dengan darah beliau atau dengan hanya memuja dan memuji namanya. Ini bersesuaian dengan kenyataan nabi Isa yang menyatakan bahawa beliau diutuskan bukan untuk menghapuskan hukum *Torah* tetapi adalah untuk menyempurnakannya<sup>159</sup>.

Di dalam menolak dakwaan Gereja Roman Katholik di atas, K.D Bahaudin Mudhary di dalam bukunya *Dialog Ketuhanan Jesus*<sup>160</sup> mengatakan bahawa isu tentang kesucian manusia sebenarnya telah menjadi perselisihan di kalangan pemimpin gereja. Fenomena ini tercetus ekoran kenyataan di dalam *The Old Testament* dan *The New Testament* sendiri yang menyebut bahawa manusia adalah suci dan hanya menanggung kesalahannya sahaja. Keterangan tersebut kemudian membawa kepada satu resolusi bahawa sejarah perjalanan hidup Adam dan Eve serta nabi Isa telah dieksloitasi oleh pihak tertentu demi kepentingan mereka. St. Paul dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab memesongkan ajaran ini demi menarik minat masyarakat ketika itu untuk memeluk agama Kristian<sup>161</sup>.

Keterangan daripada *The Old Testament* dan *The New Testament* sendiri menunjukkan bahawa doktrin nabi Isa sebagai penyelamat manusia daripada

<sup>159</sup> *Matthew 5:8*.

<sup>160</sup> K.D Bahaudin Mudhary (1981), *Dialog Ketuhanan Jesus*. Kuala Lumpur: PUM & YAPEIM. Hal. 13-15.

<sup>161</sup> Aliyy "Abd al-Halim Mahmûd (1988), *al-Masihiyyah Nasy'atu-hā wa Tatawwuru-hā*. Hal. 188-205.

belenggu dosa warisan sebenarnya tidak wujud. Nabi Isa hanya mengajarkan manusia berdasarkan apa yang terdapat di dalam kitab Taurat. Sehubungan dengan itu, anggapan penganut agama Kristian bahawa setiap manusia adalah berdosa dan memikul dosa warisan boleh dipertikaikan. *The Old Testament (Deutronomy 24:16)*, (*Jeremiah 31:30*) dan (*Ezeikel 18:17-20*); begitu juga dengan *The New Testament (1 Corinthians 3:8)* dan (*Matthew 7:1-2 & 19:4*) menolak konsep pewarisan dosa di kalangan manusia dan tidak ada orang yang boleh menanggung dosa orang lain. Mereka akan dihukum berdasarkan apa yang telah mereka lakukan semasa hidup di dunia. Nabi Isa sendiri menyatakan bahawa kanak-kanak itu adalah manusia yang bebas daripada dosa kerana sebagaimana ucapannya di dalam *The New Testament (Matthew 19:14)*, bahawa kerajaan akhirat (*Kingdom of Heaven*) adalah untuk golongan seperti ini (bebas daripada dosa). Hanya orang-orang yang menuruti ajaran Taurat sahaja akan terselamat semasa berada di *Kingdom of God* kelak.

Penulis melihat pegangan Gereja Romai Katholik terhadap nabi Isa sebagai penyelamat dosa manusia seolah-olah ingin melepaskan diri daripada kejahanan yang telah dilakukan. Mereka seolah-olah mengambil pendekatan "membaling batu kemudian sembunyi tangan". Mereka akan melakukan pelbagai kerosakan dan dosa kemudian akan menyalahkan Adam di atas perbuatan yang mereka lakukan. Selanjutnya mereka menjadi lebih sesat lagi-dengan berkeyakinan bahawa nabi Isa adalah Tuhan yang menjelma di dunia ini bagi membebaskan mereka daripada dosa warisan. Sedangkan pada hakikatnya manusia masih lagi tetap dan

berterusan dengan sifat yang cenderung untuk membuat kejahatan seperti membunuh dan melakukan pelbagai kerosakan yang lain di dunia ini.

Berdasarkan huraian di atas, penulis berpendapat bahawa telah berlaku penyelewengan di dalam ajaran nabi Isa selepas ketiadaannya. St. Paul, seorang Yahudi yang memeluk agama Kristian dipercayai telah merosakkan keaslian ajaran nabi Isa dengan mengasaskan ajaran yang mengatakan bahawa nabi Isa adalah Anak Tuhan yang diutus sebagai penyelamat manusia daripada belenggu dosa warisan. Kepintaran dan kegigihan St. Paul memanipulasi keadaan tidak dinafikan menjadi faktor utama doktrin nabi Isa sebagai penyelamat sebatи dalam jiwa penganut Kristian. Matlamat beliau hanyalah untuk memusnahkan agama Kristian yang amat dibenci daripada dalam. Tindakan tersebut dilakukan apabila penentangannya secara terbuka gagal menghapuskan agama Kristian. Dengan mengaku menjadi seorang Kristian dan mendakwa melihat roh Tuhan (nabi Isa), St. Paul telah berjaya menanamkan idea dan doktrin palsunya ke dalam jiwa penganut agama Kristian. Fenomena ini merupakan kemенangan besar bagi beliau<sup>162</sup>.

Sarjana-sarjana Islam turut menolak keras sikap Gereja Roman Katholik yang menyandarkan dakwaan itu kepada kata-kata nabi Isa yang terkandung di dalam *The Holy Bible*. Dengan kata lain, mereka mendakwa bahawa kepercayaan ini adalah ajaran sebenar nabi Isa. Menurut Ahmed Deedat *The Holy Bible* tidak

<sup>162</sup> Baharuddin bin Abd. Malek (1999), "Konsep Dosa Warisan Menurut Gereja Roman Katholik: Suatu Analisis". *Disertasi Sarjana*. Hal. 121-122.

boleh dijadikan sumber rujukan kerana kesahihannya sebagai sebuah kitab suci diragui<sup>163</sup>.

Selanjutnya, Muhammad 'Ata ur-Rahim pula di dalam bukunya *Jesus The Prophet of Islam*<sup>164</sup> menyatakan bahawa pengikut Kristian sebenarnya tersasar dan keliru dalam mengenali diri nabi Isa yang sebenarnya. Menurut Muhammad 'Ata ur-Rahim, selepas nabi Isa dibaptis oleh nabi Yahya (John), baginda telah mengasing diri ke dalam hutan belantara dengan tujuan beribadat. Keadaan nabi Isa ketika ini adalah sama dengan keadaan nabi Muhammad s.a.w yang berkhalwat di Gua Hira' bagi tujuan memencarkan diri dan beribadat sehingga menerima wahyu dan kemudiannya dilantik sebagai rasul. Menurut catatan *Dead Sea Scrolls*, pada masa pemencaran tersebut nabi Isa telah menyertai masyarakat *Essense*<sup>165</sup> iaitu suatu kelompok masyarakat Yahudi yang duduk di dalam hutan belantara kerana melarikan diri dari kezaliman pemerintah Romawi yang bertuhankan berhala. Golongan *Essense* tersebut telah melantik nabi Isa sebagai pemimpin yang diharap akan menyelamatkan bangsa Yahudi dari penjajahan Romawi dan memurnikan kembali ajaran *Torah* yang telah dimanipulasi oleh golongan *Saduccee* dan *Pharisee*. Apabila nabi Isa kembali kepada masyarakat Yahudi, beliau telah berusaha memurnikan kembali ajaran *Torah* dan menyeru agar bangsa Yahudi bangun menentang penjajah Romawi.

<sup>163</sup> Perbincangan mengenai keraguan terhadap kesahihan *The Holy Bible* sebagai sebuah kitab suci telahpun dipaparkan pada awal bab ini. *Supra*. Hal. 92-97.

<sup>164</sup> Muhammad 'Ata ur-Rahim (1984), *Jesus A Prophet of Islam*. Hal. 19-40.

<sup>165</sup> *Essense* adalah suatu kelompok masyarakat Yahudi yang duduk di dalam hutan belantara kerana melarikan diri dari kezaliman pemerintah Romawi yang bertuhankan berhala. Golongan ini mempunyai semangat yang berani dan patriotik untuk membebaskan Palestin daripada penjajahan Romawi. Muhammad 'Ata ur-Rahim (1984), *Jesus A Prophet of Islam*. Hal. 34 dan 35.

Fakta dan kenyataan di atas memperlihatkan dan membuktikan bahawa peranan nabi Isa adalah menyeru masyarakat Yahudi agar kembali berpegang teguh dengan prinsip dan ajaran kitab Torah. Ini kerana hanya ajaran Torah yang suci sahaja dapat menyatupadukan bangsa Yahudi dan seterusnya mengembalikan semula kegemilangan mereka seperti di zaman nabi Daud dan nabi Sulaiman. Di dalam usahanya itu, nabi Isa telah menggariskan beberapa prinsip pokok agar masyarakat Yahudi tidak lari dan menyeleweng dari ajarannya. Prinsip-prinsip itu ialah :

1. Mentauhidkan Tuhan
2. Hidup mesti saling bersaudara dan mengasihi
3. Menanam kehidupan secara zuhud
4. Menyeru agar bertawakkal kepada Tuhan
5. Jangan bersifat munafik
6. Bersedekah dengan hati yang ikhlas
7. Berlaku adil bila menghakimi orang lain
8. Berhati-hati dengan ajaran yang menyeleweng

Dalam keterangan lain nabi Isa berkata:

"I tell you the truth until heaven and earth disappear not the smallest letter, not the least stroke of pen will by any means disappear from the law until everything is accomplished"<sup>166</sup>

---

<sup>166</sup> Matthew 5:18.

Huraian dan keterangan Bible di atas menunjukkan bahawa kedatangan nabi Isa bukan untuk menghapuskan ajaran *Torah* tetapi untuk menyempurnakannya.

Menurut Muhammad 'Ata ur-Rahim lagi, usaha dakwah yang dilakukan oleh nabi Isa berjaya menarik ramai golongan bawahan yang miskin tetapi mendapat tentangan yang hebat dari golongan pertengahan dan atasan terutamanya golongan *Pharisee* dan *Sadducee*<sup>167</sup>. Memandangkan golongan yang menentang ini mempunyai kuasa dan pengaruh, maka golongan bawahan yang menjadi pengikut nabi Isa telah disiksa dan ditindas. Ekoran daripada penentangan yang berterusan daripada musuh nabi Isa akhirnya membawa kepada peristiwa pengangkatan nabi Isa ke langit oleh Allah s.w.t.<sup>168</sup>

Muhammad 'Ata ur-Rahim selanjutnya mengemukakan pandangannya bahawa beliau menerima konsep nabi Isa sebagai penyelamat iaitu menyelamatkan Bani Israel daripada kekejaman dan penindasan penajah Romawi bukannya sebagai penyelamat manusia daripada dosa *wafisan* sebagaimana yang dipercayai oleh penganut agama Kristian<sup>169</sup>.

---

<sup>167</sup> *Pharisee* dan *Sadducee* merupakan dua pertubuhan yang dipandang mulia di dalam agama Kristian. *Sadducee* merupakan golongan aristokrat yang berpengaruh di dalam bangsa Yahudi dan mempunyai kedudukan yang baik di dalam Empayar Rom. *Sadducee* juga tidak mempercayai akan adanya hari akhirat dan balasan syurga dan neraka. Mereka merasa takut Jesus Christ akan mendatangkan ancaman terhadap kuasa dan kedudukan mereka. Manakala golongan *Pharisee* pula merupakan golongan yang kuat berpegang kepada tradisi dan menolak kemasukan budaya dan pemikiran Greek ke dalam bangsa Yahudi yang dikenali juga sebagai budaya Hellenistik. *Pharisee* merupakan golongan yang menentang dan menolak kerasulan Jesus Christ. Caroline Large (1981), *The Three Great Semitic Religions* (T.T): Times Books International, hal. 20

<sup>168</sup> Muhammad 'Ata ur-Rahim (1984), *Jesus A Prophet of Islam*. Hal. 19-40.

<sup>169</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa Islam dengan dalil dan hujah yang mantap telah menolak dan menafikan sekeras-kerasnya doktrin nabi Isa sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan dan apa sahaja teori yang berkaitan dengannya. Kepsuuan dakwaan-dakwaan Gereja Roman Katholik itu bukan sahaja dibuktikan oleh dalil al-Qur'an, hadis dan pendapat sarjana Islam dan Barat, malahan turut diakui oleh kitab suci Kristian sendiri. Pertentangan fakta yang wujud dalam kitab suci Kristian sekaligus menafikan kesahihan kitab suci mereka sebagai sumber syariat agama. Hakikat kebenaran ini sewajarnya sudah memadai untuk mencelikkan mata hati orang-orang yang mempunyai akal fikiran yang waras.

#### D. JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT BERTARAF TUHAN YANG MATI DISALIB: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Di dalam bab yang lalu, Gereja Roman Katholik telah mendakwa bahawa nabi Isa adalah seorang penyelamat bertaraf Tuhan. Kepercayaan sedemikian turut dianggap sebagai punca utama wujudnya pertentangan di antara Islam dan Kristian. Menurut K.D Bahaudin Mudhary di dalam bukunya *Dialog Ketuhanan Jesus*<sup>170</sup> kepercayaan tersebut merupakan suatu hasil garapan pihak gereja yang melampaui batas pemikiran yang rasional. Kepercayaan tersebut telah mengaburkan prinsip-prinsip kemanusiaan nabi Isa dan akibatnya manusia yang bernaung di bawah gereja menjadi keliru dan buta kepada kebenaran. Menurut Dr.

<sup>170</sup> K.D Bahaudin Mudhary (1981). *Dialog Ketuhanan Jesus*. Hal. 57.

Wahbah al-Zuhayliyy<sup>171</sup> di dalam tafsirnya, nabi Isa adalah sama seperti manusia lain. Baginda telah dilahirkan oleh seorang wanita suci yang bernama Maryam binti Imrān ibn Bashīm ibn Mishā ibn Hazqiyā yang mempunyai jurai keturunan daripada nabi Harun a.s<sup>172</sup>.

;

Di dalam menyatakan bahawa nabi Isa adalah manusia biasa, Islam telah menyandarkan pendapatnya kepada ayat al-Qur'an **Surah Maryam (16):ayat 19** yang berbunyi:

فَالْ إِنْتَ أَنَا رَسُولُ رَبِّكَ لِأَهْبَطَ لَكَ غُلَامًا زَكِيًّا

Bermaksud: *Ia berkata: "Sesungguhnya aku pesuruh Tuhanmu, untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci".*

Ungkapan yang bermaksud "Sesungguhnya aku pesuruh Tuhanmu, untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci" membuktikan bahawa Jesus adalah manusia biasa yang telah dicipta oleh Allah seperti manusia yang lain. Perbezaannya hanyalah nabi Isa telah dilahirkan tanpa mempunyai bapa yang hidup sebagai penyebab kepada kewujudannya di dunia ini. Walau bagaimanapun, hal sedemikian tidak wajar dijadikan alasan untuk mempertuhankan nabi Isa. Manusia yang pertama iaitu Adam dan Eve turut diciptakan tanpa bapa yang hidup. Dengan perkataan lain kejadian nabi Isa adalah sama dengan kejadian nabi Adam. Firman Allah<sup>173</sup>:

<sup>171</sup> Wahbah al-Zuhayliyy (1990), *Tafsīr al-Munīr*. al-Qāhirah: Dār al- Shurūq, jil. 2, cet. 2. Hal 243

<sup>172</sup> Untuk mengetahui riwayat hidup nabi Isa secara terperinci sila rujuk "Aliyy 'Abd al-Halim Mahmūd (1980), *al-Anbiyā' wa al-Rusul*. al-Qāhirah: Dār al-Shurūq. Hal. 96.

<sup>173</sup> *Surah Alī Imrān (3) : 59*

إِنْ مِثْلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَيْلٌ آذَمْ خَلْقَهُ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksudnya: "Sesungguhnya penciptaan Isa disisi Allah sama seperti Adam, diciptakan-Nya daripada tanah lalu difirmankan: Jadilah! Maka terjadilah dia".

Tujuan Allah melakukan keajaiban tersebut adalah untuk menunjukkan kemutlakan kuasa-Nya di dalam mencipta sesuatu di samping bertujuan untuk menguji keimanan manusia. Ini ditegaskan oleh Allah di dalam penghujung ayat yang telah disebutkan daripada **surah Āli Imrān (3): ayat 47** yang berbunyi:

كَذَلِكَ إِنَّ اللَّهَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ إِذَا قَضَى أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Bermaksud: ...Demikianlah keadaannya, Allah menjadikan apa yang dikehendakinya; apabila ia berkehendak melaksanakan sesuatu perkara, maka ia hanyalah berfirman kepadanya; 'Jadilah engkau', lalu menjadilah ia.

Berdasarkan keterangan dan dalil di atas, keganjilan yang berlaku kepada nabi Isa a.s tersebut adalah suatu keluarbiasaan tetapi masih di dalam batas penerimaan akal manusia. Ayat al-Qur'an di atas telah membuktikan bahawa nabi Adam juga telah diciptakan oleh Allah bukan sahaja tanpa bapa malahan tanpa ibu. Justeru jika sekiranya Gereja Roman Katholik menyakini bahawa nabi Isa adalah penyelamat bertaraf Tuhan semata-mata kerana dilahirkan tanpa bapa adalah suatu pekara yang tidak munasabah. Kenapakah tiada sebarang taraf ketuhanan

yang diberikan kepada Adam dan Eve yang telah diwujudkan oleh Allah tanpa ibu dan bapa. Sedangkan penciptaan kedua-duanya lebih ajaib berbanding dengan penciptaan nabi Isa.

Islam menegaskan bahawa Jesus Christ atau nabi Isa adalah salah seorang daripada manusia pilihan Allah yang diutus untuk memimpin manusia ke jalan yang benar. Beliau bukannya Anak Tuhan sebagaimana yang didakwa oleh pengikut Kristian. Allah berfirman<sup>174</sup> :

مَا الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَقَ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ

Maksudnya: "Tidaklah al-Masih anak Maryam itu malainkan dia adalah seorang rasul, yang telah terdahulu daripadanya rasul-rasul..."

Al-Qur'an dengan terang membuktikan bahawa nabi Isa a.s. tidak pernah mengaku bahawa baginda adalah penyelamat bertaraf Tuhan malah mengakui bahawa hanya Allah s.w.t sebagai Tuhan yang Maha Esa. Firman Allah<sup>175</sup>:

يَاعَيُّسَى ابْنَ مَرْيَمَ أَنْتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ أَنَّهُنِّي وَأَمِّي إِلَهُنِّي وَمِنْ دُونِ اللَّهِ قَالَ  
سُبْحَانَكَ مَا يَكُونُ لِي أَنْ أَقُولَ مَا لَنِسَ لِي بِحَقٍّ إِنْ كُنْتَ قَلْنَةً فَقَدْ عَلِمْتَهُ

Maksudnya: "Wahai Isa adakah kamu yang mengatakan kepada manusia, ambillah aku dan ibuku sebagai Tuhan di samping Allah". Nabi Isa menjawab: "Maha Suci Engkau wahai Tuhan ! Tidaklah layak bagiku mengatakan sesuatu yang aku tidak berhak mengatakannya. Jika aku mengatakannya maka tentulah engkau telah mengetahuinya..."

<sup>174</sup> Surah al-Mâidah (5): ayat 75.

<sup>175</sup> Surah al-Mâidah (5): ayat 116.

Islam seterusnya menolak dakwaan Gereja Roman Katholik yang menyakini bahawa nabi Isa yang bertaraf Tuhan itu telah mati disalib bagi membebaskan manusia daripada ikatan dosa warisan. Islam menegaskan bahawa nabi Isa tidak pernah disalib atau mati disalib. Hal ini telah dibuktikan oleh al-Qur'an. Firman Allah<sup>176</sup>:

وَقَوْلُهُمْ إِنَّا قَاتَلْنَا الْمَسِيحَ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ اللَّهِ وَمَا قَاتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ  
شَهَدْنَا لَهُمْ

Maksudnya: "Mereka berkata: Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih Isa putera Maryam, rasul Allah. Sebenarnya mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibnya tetapi diserupakan bagi mereka".

Sayyid Qutb ketika mentafsirkan ayat di atas mengatakan bahawa nabi Isa tidak dibunuh dan disalib sebagaimana yang dipercayai oleh penganut Kristian. Sebaliknya, Allah telah menyelamatkan nabi Isa a.s dengan cara menyerupukan orang lain sepertinya untuk menyelamatkan nabi-Nya daripada kaum Yahudi yang ingkar. Allah telah mengangkat nabi Isa bersama jasad dan roh kepada-Nya<sup>177</sup>.

Menurut al-Tabariyy di dalam tafsirnya pula, al-Qur'an tidak menyatakan siapakah orang yang telah diserupakan oleh-Nya untuk menggantikan tempat nabi Isa tersebut. Walau bagaimanapun, menurut al-Tabariyy terdapat satu riwayat

<sup>176</sup> Surah al-Nisā' (4) : ayat 157.

<sup>177</sup> Sayyid Qutb (1986), *Tafsir fi Zillāl al-Qur'ān*. al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, juz. 2. Hal.802-803.

daripada <sup>c</sup>Abd-Allah ibn Humayd mengatakan bahawa orang yang diserupakan itu adalah salah seorang daripada golongan *al-Hawāriyyūn*<sup>178</sup>.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas sehingga hari ini nabi Isa a.s dikatakan masih belum wafat dan telah dipelihara oleh Allah di langit. Baginda dikatakan sentiasa beribadat kepada Allah sementara menunggu ketetapan yang telah ditentukan kepadanya. Menurut kepercayaan Islam, nabi Isa a.s akan turun ke dunia sebelum hari Kiamat untuk menyelamatkan manusia daripada fitnah Dajjal<sup>179</sup>. Hal ini ada disebut dan dinyatakan dalam hadis-hadis nabi. Antaranya<sup>180</sup>

عَنْ عَبْرَاةِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قُولِهِ تَكَالَّى  
وَإِنَّهُ لَعِنْمَ الْمُتَائِمِ.

Maksudnya: "Dari <sup>c</sup>Abd- Allah ibn <sup>c</sup>Abbas, nabi Muhammad s.a.w dalam penjelasan baginda terhadap ayat wa innahu la <sup>c</sup>ilmu al-sā'ah adalah merujuk kepada Isa bin Maryam yang akan turun ke bumi menjelang Kiamat".

Dalam hadis yang lain , Rasulullah s.a.w bersabda<sup>181</sup>:

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ حَارِثَةِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ، يَقْتَلُ ابْنُ مَرْيَمَ الْمَجَاهِلَ يَكَابِ لَهُ.

<sup>178</sup> Untuk mengetahui dengan tuntas berkenaan isu di atas sila rujuk al-Imām Abū Ja'far Muhaṇnīmad ibn Jarīr al-Tabariyy (1992), *Tafsīr al-Tabariyy*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-İlmiyyah, jil. 4. Hal. 351.

<sup>179</sup> Al-Imām Jalāl al-Dīn Muhammād al-Suyūtiyy (1978), *Nuzūl <sup>c</sup>Isā ibn Maryam fi Ākhir al-Zamān*. Matba'ah al-Misriyyah. hal. 229.

<sup>180</sup> *Ibid.*

<sup>181</sup> *Ibid.*

Maksudnya: "Dari Mujammī' ibn Jāriah al-Anṣāriyy r.a. berkata: saya mendengar Rasulullah bersabda: ibn Maryam akan membunuh Dajjal di Bab Ludd".

Al-Qur'an selanjutnya menjelaskan bahawa ajaran yang disampaikan oleh nabi Isa adalah kesinambungan daripada ajaran-ajaran yang disampaikan oleh nabi Musa a.s kepada Bani Israel. Tujuan perutusannya adalah membenarkan apa yang terkandung di dalam kitab Taurat. Firman Allah<sup>182</sup>:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُّصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيِّ  
مِنَ الْتُّورَاةِ

Maksudnya: "Dan ingatlah ketika Isa bin Maryam berkata kepada Bani Israel: Aku adalah Rasul yang dilantik oleh Allah kepada kamu dan aku memberiarkan kandungan Taurat..."

Dengan penjelasan ayat di atas, nyata bahawa tugas nabi Isa adalah sama dengan tugas nabi Musa iaitu membimbing dan menjadi pemimpin kepada Bani Israel menuju keredaan Allah. Pegangan Gereja Roman Katholik yang mengatakan bahawa nabi Isa mati disalib bagi membebaskan manusia daripada dosa warisan dianggap menyeleweng daripada matlamat sebenar pengutusannya ke dunia.

Islam juga menolak akidah Gereja Roman Katholik yang mengatakan bahawa Allah telah menjelmakan diri-Nya di dalam jasad nabi Isa untuk

<sup>182</sup> Surah al-Saf (61): ayat 7.

menyelamatkan manusia. Demikian juga keyakinan bahawa mereka telah bersatu dengan nabi Isa melalui *transubstantiation* di dalam *sacrament Eucharist*. Menurut Islam pegangan sedemikian adalah suatu perkara yang karut dan merupakan perbuatan yang syirik teghadap Allah. Akidah yang meyakini bahawa Allah menyerupai sesuatu adalah perkara yang mustahil. Di dalam hal ini Allah telah berfirman<sup>183</sup>:

لَيْسَ كَمُثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: "Allah tidak menyerupai segala sesuatu. Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Demikian juga firman Allah di dalam *surah al-Mâidah (6): ayat 17* berbunyi:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ائْمَانُهُ مَرْدِيمٌ

Yang bermaksud: "Sesungguhnya kafirlah orang yang mengatakan Allah itu adalah Isa al-Masih".

Menurut Prof. Dr. A. E. Afifi<sup>184</sup> dari Universiti Alexander UEA, kepercayaan Gereja Roman Katholik bahawa Allah telah menjelma di dalam diri nabi Isa dan melalui *transubstantiation* penganut Katholik akan bersatu dengan nabi Isa yang telah mati merupakan suatu dongengan yang nyata dan tidak mempunyai nilai keagamaan samawi. Islam menentang kepercayaan tersebut sebagaimana Islam

<sup>183</sup> *Surah al-Shurâ (42): ayat 11.*

<sup>184</sup> Otto Harrassowitz (1994), *A History of Muslim Philosophy* (Sejarah Islam Dari Segi Falsafah. Penterjemah Khidmat Terjemahan Nusantara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hal. 394. (Penulis merujuk buku terjemahan).

menolak fahaman *wahdah al-wujūd* yang mempercayai bahawa Allah telah bersatu dengan tubuh sheikh-sheikh tarekat<sup>185</sup>. Menurut Islam Allah berlainan dengan segala sesuatu yang baru. Zat Allah tidak mampu dijangkaui oleh akal fikiran manusia yang terbatas. Oleh itu sekiranya Allah dikatakan menjelma di dalam jasad Jesus bererti Allah telah dibatasi oleh masa dan ruang. Kepercayaan yang sedemikian jelas bertentangan dengan prinsip akidah Islam.

Kepercayaan *transubstantiation* turut bertentangan dengan akal fikiran yang waras. Menurut kepercayaan Kristian, arak yang diminum diyakini sebagai darah Jesus dan roti yang dimakan sebagai daging Jesus<sup>186</sup> sewaktu *sacrament Eucharist* adalah suatu kejadian yang nyata. Menurut Islam, adalah suatu perkara yang mustahil bahawa roti akan bertukar menjadi daging dan arak akan bertukar menjadi darah sedangkan hakikatnya roti dan arak itu sememangnya tidak bertukar menjadi sedemikian. Islam melihat penganut Kristian yang tetap dalam kepercayaan sedemikian sentiasa berada di dalam kerugian dan tipudaya pihak gereja kerana jelas di hadapan mereka perkara tersebut tidak pernah terjadi. Hujah Gereja Katholik yang mengatakan proses pertukaran roti kepada daging dan arak kepada darah Jesus adalah sama seperti nasi yang dimakan berasal daripada beras adalah tidak boleh diterima. Menurut Dr. Mohamed Asin<sup>187</sup> beras yang menjadi nasi untuk dimakan tidak boleh dikatakan sebagai beras lagi kerana ia telah pun bertukar menjadi nasi. Dalam ertikata yang lain ketika dimakan beras itu telah bertukar

<sup>185</sup> *Ibid.* untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai *wahdat al-wujūd* sila lihat Prof. Madya Dr. Fatah Haron, *Martabat Tujuh*. Bangi: UKM. Hal. 2-24.

<sup>186</sup> *Supra*. Bab tiga. Hal. 85-86.

<sup>187</sup> *Tembusul* dengan Prof. Madya Dr. Mohamed Asin bin Dollah.

menjadi nasi dalam hakikat dan rasa. Hal sedemikian adalah berbeza dengan roti yang tetap roti tetapi diwajibkan mempercayai bahawa yang dimakan adalah daging. Justeru, Islam sebagai agama yang rasional menolak konsep *transubstantiation*. ;

Kepercayaan Gereja Roman Katholik ini dianggap sebagai penghinaan kepada nabi Isa a.s dan kesucian Allah kerana telah mensyirikkan-Nya<sup>188</sup>. Jesus Christ tidak lain hanyalah utusan Allah s.w.t. penyelamat manusia daripada kesesatan, bukannya seorang yang bertaraf Tuhan yang diutuskan bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada dosa warisan. Firman Allah s.w.t di dalam **surah al-Māidah (6): ayat 17:**

لَقَدْ كَفَرُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ فُلْ قَمَنْ يَمْلِكُ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا

Ertinya: "...Sesungguhnya kafirlah orang yang berkata bahawa Allah adalah Isa Al-Masih. Katakanlah wahai Muhammad: "dakwaan itu tidak benar"

Islam seterusnya menolak pandangan Gereja Roman Katholik yang mendakwa bahawa pengorbanan Jesus Christ di tiang salib sebagai suatu keadilan Tuhan kepada manusia. Islam tidak dapat menerima analogi bahawa Tuhan wajib mengorbankan diri-Nya demi kesejahteraan manusia supaya dilihat sebagai Tuhan yang Maha Adil. Menurut Islam, perkara sedemikian mustahil dilakukan oleh Allah

<sup>188</sup> *Ibid.*

kerana Allah bersifat dengan sifat-sifat yang paling sempurna. Maha Suci Allah daripada keadaan demikian. Kepercayaan tersebut turut menggambarkan seolah-olah Tuhan bersifat zalim dan tidak adil. Berdasarkan dakwaan itu, semua rasul sebelum kedatangan Isa akan masuk neraka kerana menanggung dosa warisan. Perutusan para nabi dan rasul terdahulu itu adalah suatu perkara yang sia-sia malah *The Old Testament* tidak patut diterima oleh pengikut agama Kristian sebagai kitab suci memandangkan ia ditulis oleh orang-orang yang berdosa dan tidak suci. Sebaliknya, pengikut Katholik mengaku kitab *The Old Testament* adalah daripada Tuhan dan merupakan kitab suci. Ini membuktikan bahawa Gereja Roman Katholik bersikap *double standard* terhadap *The Old Testament* kerana pada zahirnya mereka mengaku kitab *The Old Testament* adalah daripada Tuhan dan merupakan kitab suci tetapi dalam masa yang sama tanpa disedari mereka telah menghina dan mengutuk kedudukan *The Old Testament*<sup>189</sup>. Justeru, tidak hairanlah sekiranya mereka hanya mengambil kenyataan *The Old Testament* yang bersesuaian dengan kepentingan hawa nafsu mereka semata-mata. Keadaan mereka ini bertepatan dengan kenyataan St. Paul di dalam *Romans 3:19-21*:

"Now we know that whatever the law says, it says to those who are under the law so that every mouth may be silenced and the whole world held accountable to God. Therefore no one will be declared righteous in his sight by observing the law rather, through the law we become conscious of sin. But now a righteousness from God, apart from law, has been made known to which the Law and the Prophets testify."

---

<sup>189</sup> Ibid.

Daripada penjelasan yang dikemukakan di atas dapat dikatakan bahawa pegangan Gereja Roman Katholik itu seumpama peribahasa yang berbunyi "terlalu hendak tinggi akhirnya jatuh tersembam ke bumi". Oleh kerana terlalu ingin mendewakan nabi Isa, akhirnya Gereja Roman Katholik telah menimbulkan pendapat yang amat janggal, pelik serta tidak boleh diterima oleh akal yang sihat. Islam menolak keras pandangan Gereja Roman Katholik yang menyakini bahawa kematian Tuhan di kayu salib adalah sebagai bukti keadilan Tuhan kepada manusia. Sebaliknya Gereja Roman Katholik pula yang dipersoalkan oleh Islam agar membuktikan bahawa mereka adalah adil di dalam melaksanakan keimanan mereka terhadap semua isi kandungan yang terdapat di dalam *The Old Testament*. Hal sedemikian terjadi kerana mereka hanya beriman kepada sebahagian isi kandungan *The Old Testament* sahaja dan menolak sebahagian yang lain. Kenyataan di atas adalah bertepatan dengan firman Allah di dalam ayat-Nya yang berbunyi<sup>190</sup> :

أَفَتُؤْمِنُونَ بِعَضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِعَضِ



Bermaksud: "... patutkah kamu percaya kepada sebahagian dari isi kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain?

## E. JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT : ANALISIS MENURUT BIBLE BARNABA

<sup>190</sup> Surah al- Baqarah (2) : ayat 85

Bible Barnaba merupakan Bible yang tidak diakui oleh Gereja sebagai kitab suci agama Kristian. Penganut Kristian hanya mengiktiraf Bible yang empat sahaja sebagai kitab suci yang benar. Penolakan orang Kristian terhadap Bible Barnaba dipercayai berpunca daripada ajarannya yang tidak bersesuaian dengan ajaran Kristian kini. Pihak Gereja mendakwa isi kandungan Bible Barnaba dipenuhi dengan bidaah atau *heresy*. Ekoran daripada itu, Pope telah mengharamkannya pada tahun 492M. Tindakan ini diambil berdasarkan keputusan Persidangan Nicea 325 M yang hanya menerima empat buah *gospel* sahaja sebagai sumber syariat agama Kristian<sup>191</sup>.

Menurut Kristian lagi, di antara sebab Bible Barnaba diharamkan kerana terdapat kesalahan terjemahan di dalamnya. Kenyataan di dalam Bible Barnaba<sup>192</sup> menyebutkan bahawa istilah jubli bermaksud tempoh seratus tahun sedangkan *The Old Testament* menyatakan bahawa jubli membawa makna lima puluh tahun<sup>193</sup>. Walau bagaimanapun, menurut pandangan sarjana Islam, pihak Gereja sebenarnya cuba menyembunyikan alasan sebenar penolakan mereka terhadap Bible Barnaba.

Menurut Sheikh Abdus Shamad Sirait seorang pensyarah dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Medan<sup>194</sup>, Bible Barnaba mendapat perhatian umat Islam kerana kandungannya yang berbeza dengan bible-bible yang diiktiraf oleh dunia

<sup>191</sup> William E. Addis dan Donald Attwater (1951), *A Catholic Encyclopedia*. Hal. 486.

<sup>192</sup> ...In somuch that the year of Jubilee, which now cometh every hundred years – *Bible Barnaba p.104, c. 82.*

<sup>193</sup> *Leviticus 25:11*.

<sup>194</sup> Abdus Shamad Sirait (1988), *Dakwah Muallaf*. Medan: Pustaka al-Husna. Hal. 71.

Kristian. Menurut beliau lagi, pada keseluruhannya riwayat Bible Barnaba mengenai nabi Isa adalah berlainan dengan riwayat-riwayat yang ditulis di dalam bible yang empat. Kenyataan dan dalil Bible Barnaba turut dijadikan hujah oleh sarjana Islam dalam menolak pandangan gereja Kristian. Sementara itu, menurut Prof. Madya Fauzi Awang<sup>195</sup>, Bible Barnaba diharamkan oleh Kristian kerana kandungannya menyebut tentang pengkhianatan Judas Iscariot terhadap nabi Isa. Kenyataan Bible Barnaba ini menepati pandangan dan fakta al-Quran yang mengatakan nabi Isa telah diselamatkan oleh Allah ketika peristiwa pensaliban dengan cara menyerupakan orang lain sepertinya<sup>196</sup>.

Sebahagian ulama Islam pula berpendapat, Bible Barnaba ditolak oleh Gereja kerana penulisnya iaitu Barnaba ada menjelaskan di dalam Bible Barnaba bahawa tindakannya memisahkan diri daripada St. Paul adalah disebabkan penyelewengan-penyelewangan yang telah dilakukan oleh St. Paul terhadap ajaran suci nabi Isa. Bukananya disebabkan perselisihan pendapat tentang siapa yang patut dibawa untuk menyebarkan agama Kristian sebagaimana yang dinyatakan dalam *The New Testament*<sup>197</sup>. Pengumuman pihak gereja mengharamkan penganutnya membaca Bible Barnaba dilihat oleh ulama Islam sebagai langkah ingin menyembunyikan kepalsuan dan kebatilan ajaran Kristian selama ini<sup>198</sup>.

<sup>195</sup> Temubual dengan Prof. Madya Fauzi Awang pada 24.1.2000 di Pejabat PUM, Petaling Jaya Selangor.

<sup>196</sup> *Supra*. Bab ini. Hal. 120.

<sup>197</sup> *Supra*. Bab satu. Hal. 22.

<sup>198</sup> Temubual dengan Prof. Madya Fauzi Awang.

Kandungan Bible Barnaba tidak pernah menyebut tentang nabi Isa sebagai penyelamat manusia daripada menanggung dosa warisan. Bible Barnaba hanya menerangkan bahawa nabi Isa adalah seorang utusan Tuhan yang tidak memiliki kekuasaan. Beliau dianugerahkan beberapa keistimewaan sehingga berupaya mengubati beberapa penyakit berbahaya seperti kusta, buta dan rasukan syaitan dengan izin Allah. Nabi Isa juga mampu menyembuhkan penyakit lumpuh dan menghidupkan kembali orang yang telah mati. Anugerah Tuhan kepada nabi Isa ini disebut sebagai mukjizat<sup>199</sup>. Nabi Isa turut mengajarkan setiap individu supaya memohon anugerah daripada Tuhan dan melarang mereka daripada memohon kepadanya. **Bible Barnaba p.110, c.11:menyatakan.**

*"The leper answered: 'Lord, give me health.' Jesus reproved him, saying: 'Thou art foolish; pray to God who created thee, and will give thee health; for I am a man, as thou art.'*

Nabi Isa turut menyeru pengikutnya agar sentiasa memohon keampunan daripada Tuhan. Hanya Tuhan sahaja yang mampu menyelamat dan memberi keampunan. Manusia adalah makhluk Tuhan dan tidak berdaya untuk menghapuskan dosa. Kesalahan sesama manusia dapat dimaafkan oleh manusia, sebaliknya kesalahan menentang dan mengingkari ajaran Tuhan, hanya boleh diampunkan oleh Tuhan sahaja. Nabi Isa kemudiannya mengajar pengikutnya cara-cara memohon keampunan daripada Tuhan seperti yang dijelaskan oleh **Bible Barnaba p.48, c.37:**

---

<sup>199</sup> Aliyy c Abd al-Halim Mahmud (1988), *al-Anbiyā' wa al-Rusul*. Hal. 23.

*"The disciples wept at the words of Jesus and besought him, saying: 'Lord, teach us to make prayer.' Jesus answered: 'Consider what you would do if the Roman governer seized you to put you to death and that same do ye when ye go to make prayer. And let your words be these: 'O Lord our God, hallowed be thy holy name, thy kingdom come in us, thy will be done always, and as it is done in heaven so be it done in earth, give us the bread for every day, and forgive us our sins, as we forgive them that sin against us, and suffer us not to fall into temptations, but deliver us from evil, for thou art alone our God, to whom pertaineth glory and honour for ever.'*"

Bible Barnaba seterusnya turut menegaskan bahawa perutusan nabi Isa bukanlah sebagai penyelamat dan penebus dosa warisan. Ini berbeza dengan pandangan dan keyakinan penganut agama Kristian khususnya Gereja Roman Katholik yang mempercayai bahawa tujuan nabi Isa diutuskan ke dunia adalah untuk menebus dosa warisan. Jesus Christ dengan jelas menyatakan bahawa hanya Tuhan sahaja yang boleh menyelamat dan mengampunkan dosa manusia. Kenyataan ini sekaligus menolak dakwaan bahawa para paderi Kristian mempunyai autoriti untuk menerima dan memberikan keampunan kepada penganut Kristian.

**Bible Barnaba p.90,c.71** menjelaskan:

*"Then Jesus said: "As God liveth, I am not able to forgive sins, nor is any man, but God alone forgiveth. But as servant of God I can beseech him for the ins of others; and so I have besought him for this sick man, and I am sure that God hath heard my prayer. Wherefore, that ye may know the truth, I say to this sick man: "In the name of the God of our fathers, the God of Abraham and his sons, rise up healed!", and when Jesus had said this the sick man rose up healed, and glorified God."*

Keterangan Bible Barnaba memperlihatkan bahawa nabi Isa adalah utusan Tuhan yang menyeru manusia mendekatkan diri kepada Tuhan demi kesejahteraan dan mencapai keredaan-Nya. Nabi Isa bukanlah *Son of God* atau *Son of Man*.

;

Selain daripada itu, Bible Barnaba tidak ada mencatatkan sedikitpun kenyataan bahawa manusia terbelenggu dalam dosa warisan disebabkan perbuatan dan kesalahan Adam dan Eve. Ini kerana keampunan telah diberikan Tuhan melalui penyesalan yang dibuat oleh Adam dan Eve. Justeru tidak timbul soal dosa asal atau dosa warisan. Perlakuan dosa yang dilakukan oleh generasi manusia adalah atas tuntutan hawa nafsu yang tertipu oleh hasutan dan bisikan Syaitan.

Barnaba selanjutnya menjelaskan bahawa telah wujud pakatan jahat atau konspirasi para pemimpin tertinggi Yahudi yang tidak senang dengan ajaran nabi Isa. Mereka telah memfitnah dan menuduh beliau menghasut rakyat supaya tidak membayar cukai kepada kaisar. Bible Barnaba kemudian turut menjelaskan bahawa nabi Isa tidak disalib sebagaimana yang dipercayai oleh Gereja Roman Katholik. Sebaliknya orang yang disalib ialah Judas Iscariot, pengikut nabi Isa yang belot dengan cara diserupakan oleh Tuhan seperti wajah nabi Isa. Kenyataan ini membuktikan bahawa dakwaan bahawa nabi Isa disalib sebagai penyelamat kepada seluruh manusia adalah dakwaan yang batil.

Di samping itu, Bible Barnaba turut menceritakan tentang kata-kata nabi Isa yang meramalkan kedatangan nabi Muhammad sebagai nabi terakhir untuk menyeru manusia mentauhidkan Allah dan menuju keredaan-Nya<sup>200</sup>.

;

Kenyataan-kenyataan dalam Bible Barnaba menunjukkan bahawa hampir keseluruhan ajarannya lebih condong kepada keaslian agama Kristian sebagai agama samawi. Walau bagaimanapun, ia tidaklah bererti Bible Barnaba diterima oleh Islam sebagai Bible sebenar yang telah diturunkan kepada nabi Isa a.s. Kandungan Bible Barnaba tidak memberi ruang kepada gereja untuk meguatkan ajaran palsunya. Hal ini berbeza daripada *gospel-gospel* dan *Epistles* di dalam Bible yang sekalipun tidak boleh dijadikan bukti tentang nabi Isa sebagai penyelamat tetapi tetap menonjolkan unsur-unsur yang boleh dieksplotasi sebagai asas kepada pembentukan doktrin Kristian. Antaranya seperti kisah pensaliban nabi Isa, peristiwa santapan terakhir nabi Isa bersama pengikut-pengikut setianya, pertukaran hidangan kepada makna darah dan daging nabi Isa, kekuasaannya menghidupkan orang yang telah mati, menyembuhkan pelbagai penyakit berbahaya dan sebagainya. Walaupun beberapa perkara yang dinyatakan di dalam Bible Barnaba ada mempunyai persamaan dengan kandungan keempat-empat *gospel*. Namun terdapat beberapa perkara pokok akidah yang jelas bertentangan dengan *The New Testament*. Bible Barnaba misalnya menolak akidah yang meyakini bahawa Jesus Christ adalah Anak Tuhan yang berfungsi sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan sebaliknya menerima konsep keesaan Tuhan<sup>201</sup>.

<sup>200</sup> *Bible Barnaba* (p. 121, c. 96, p. 123-124, c. 97 & p. 271, c. 220.)

<sup>201</sup> *Bible Barnaba* p. 90, c. 71.

Akhirnya Barnaba juga menjelaskan ajaran yang dibawa oleh nabi Isa adalah merupakan kesinambungan daripada ajaran nabi Musa a.s di dalam kitab Taurat dan tiada pembaharuan di dalam ajarannya. Apa yang lebih penting, Barnaba telah menjelaskan bahawa manusia perlu meminta terus kepada Tuhan untuk tujuan mendapat keselamatan di dunia dan akhirat dan bukannya melalui perantaraan manusia lain<sup>202</sup>.

Keterangan dan huraiān di atas menjelaskan bahawa dakwaan dan kepercayaan Gereja Roman Katholik mengenai nabi Isa adalah batil dan tidak berasas. Kandungan Bible Barnaba dengan terang membuktikan bahawa nabi Isa bukanlah penyelamat, penebus dosa warisan mahupun Anak Tuhan sebagaimana yang dipercayai oleh Kristian umumnya dan Gereja Roman Katholik khususnya. Hujah dan dalil Bible Barnaba ternyata bertepatan dengan pandangan Islam yang menolak keras sebarang bentuk pendustaan terhadap Allah dan rasul-Nya. Sehubungan dengan itu, tidaklah hairan sekiranya pihak gereja menolak dan mengharamkan Bible Barnaba.

## E . KESIMPULAN

Islam yang merupakan agama yang benar dan unggul hakikatnya diturunkan kepada manusia sebagai rahmat dan pedoman kepada seluruh umat manusia. Islam datang bersama kebenaran, keselamatan dan kebahagiaan yang menjadi fitrah dan impian hidup manusia.

---

<sup>202</sup> *Bible Barnaba p. 110, c.11.*

Bersetujuan dengan misi tersebut, Islam menolak semua dakwaan dan kepercayaan Gereja Roman Katholik tentang nabi Isa. Islam menentang konsep dosa warisan serta pengutusan nabi Isa sebagai penebus dan penyelamat daripada dosa warisan. Islam juga menolak akidah Gereja Roman Katholik yang mempercayai ketuhanan nabi Isa a.s. Menurut Islam, dakwaan dan kepercayaan tersebut hanyalah dakwaan palsu yang sengaja direka pihak Gereja Roman Katholik demi kepentingan dan kedudukan mereka.

Penolakan Islam terhadap doktrin-doktrin palsu tersebut dijelaskan oleh dalil-dalil al-Qur'an, hadis dan pandangan serta ulasan sarjana Islam dan Barat. Tidak cukup sekadar itu, sarjana-sarjana Islam telah mengemukakan bukti dan hujah daripada *The Holy Bible* dan *Bible Barnaba* sendiri dengan memperlihatkan beberapa percanggahan fakta dan keterangan di dalamnya. Kewujudan percanggahan fakta ini ternyata mampu melemahkan hujah dan dakwaan pihak Kristian, menonjolkan kepalsuan doktrin-doktrin mereka seterusnya membuktikan ketinggian dan kebenaran Islam sebagai agama dan syariat terakhir yang sewajarnya menjadi pilihan terbaik bagi seluruh manusia.